

AGENDA 9.1: STATUS TINDAKAN PENCEGAHAN

Tujuan

1. Kertas ini adalah bertujuan untuk memaklum dan mendapatkan perhatian Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) Universiti Putra Malaysia (UPM) tentang laporan status tindakan pencegahan Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) bagi tempoh 1 Julai 2016 hingga 15 Ogos 2017.

Latar Belakang

2. Tindakan pencegahan diambil bagi mengelakkan ketakakuran berlaku. Ia merangkumi proses mengenal pasti ketakakuran yang berpotensi akan berlaku yang boleh menjejaskan prestasi alam sekitar. Kaedah UPM menentukan tindakan pencegahan adalah menerusi laporan pencapaian objektif dan sasaran alam sekitar yang diukur pada pertengahan tahun, semakan sendiri bagi proses pengurusan alam sekitar, pemerhatian dan sebagainya. UPM telah mengenal pasti di peringkat awal ketakakuran yang berpotensi berlaku dan seterusnya merancang tindakan pencegahan bagi memastikan ketakakuran tidak akan berlaku.

Status Tindakan Pencegahan

3. Status tindakan pencegahan yang direkodkan adalah sebanyak dua (2) laporan dan perincian laporan adalah sebagaimana **Lampiran**.

Syor

4. Ahli MKSP UPM dimohon menyemak dan membuat keputusan mengenai status tindakan pencegahan yang telah dilaksanakan oleh Peneraju bagi mengelakkan ketakakuran berlaku pada masa akan datang.

Lampiran

STATUS TINDAKAN PENCEGAHAN SISTEM PENGURUSAN ALAM SEKITAR (EMS)

(Tandakan ✓ pada ruangan yang berkaitan)

Bil	Proses Perkhidmatan yang Dijangka Berlaku Ketidapatuhan/ Kecacatan	Punca Penyebab Kemungkinan Berlaku ketidapatuhan/ Kecacatan	Tindakan Pencegahan	Tarikh Tindakan	Status Keberkesanan Tindakan
1.	<p>Didapati pengurusan sisa terjadual (kimia/klinikal/e-waste) berpotensi tidak mematuhi perundangan berkaitan (proses pelupusan sisa terjadual dilakukan tidak melebihi 180 hari dari tarikh penghasilan)</p> <p>(Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan)</p>	<p>Kekangan kewangan/ kewangan terhad yang dialami oleh UPM</p>	<p>Mengemukakan permohonan peruntukan dan makluman anggaran perbelanjaan pelupusan sisa terjadual tahunan pada setiap bulan Januari dan Julai bagi anggaran perbelanjaan pelupusan sisa terjadual setengah tahun kedua kepada Pejabat Bursar (Seksyen Belanjawan)</p>	<p>20/1/2017 dan 24/7/2017</p>	<p><input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak <input checked="" type="checkbox"/> Dalam Proses</p> <p>Catatan (jika ada): Anggaran peruntukan/ perbelanjaan setahun pengurusan sisa terjadual =RM 460,000.00</p>

Bil	Proses Perkhidmatan yang Dijangka Berlaku Ketidapatuhan/ Kecacatan	Punca Penyebab Kemungkinan Berlaku ketidapatuhan/ Kecacatan	Tindakan Pencegahan	Tarikh Tindakan	Status Keberkesanan Tindakan
2.	<p>Didapati kemudahan yang mencemarkan udara (kebuk wasap yang mempunyai cerobong/serombong) berpotensi tidak mencapai sasaran bagi Objektif EMS dan tidak patuh kepada keperluan perundangan bagi penilaian kepatuhan EMS tahun 2018 (tidak mematuhi perundangan berkaitan termasuk tidak mengikut speksifikasi yang mempunyai sistem kawalan pencemaran udara)</p>	<p>1) Kekangan kewangan/ kewangan terhadap yang dialami oleh UPM bagi kos sepertimana berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. penyediaan dokumen lukisan kejuruteraan oleh Jurutera bertauliah ii. pemasangan sistem kawalan pencemaran udara pada boiler/incinerator/ kebuk wasap iii. mengadakan pemantauan berkala keatas prestasi sistem kawalan pencemaran udara oleh makmal bertauliah (jika mendapat lesen mencemar) <p>2) Kekangan sumber tenaga manusia yang kompeten dan memastikan kompetensi dapat dikekalkan (menghantar kursus yang diiktiraf/ mempunyai <i>Certified Environmental Professional</i> (CEP) oleh DOE secara berkala)</p>	<p>Bagi pemasangan boiler/ kebuk wasap yang mempunyai cerobong/serombong yang tiada pemberitahuan bertulis/ lesen mencemar:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Menyediakan pelan perancangan setakat yang praktik secara berperingkat meliputi: <ul style="list-style-type: none"> i. Mendapatkan data terperinci setiap Kebuk Wasap ii. Penyediaan dokumen bagi pemberitahuan bertulis kepda DOE Selangor iii. Mengeluarkan surat arahan/ pekeliling / prosedur bagi pemasangan kemudahan yang mencemarkan udara iv. Pemantauan berkala ke atas kemudahan yang mencemarkan udara (yang mendapat lesen mencemar) 	Januari 2018	<p> <input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak <input checked="" type="checkbox"/> Dalam Proses </p> <p>Catatan (jika ada): Bilangan kebuk wasap yang telah disemak/ berdaftar di PPKKP setakat Julai 2017 = 387 unit</p>

Bil	Proses Perkhidmatan yang Dijangka Berlaku Ketidakpatuhan/ Kecacatan	Punca Penyebab Kemungkinan Berlaku ketidakpatuhan/ Kecacatan	Tindakan Pencegahan	Tarikh Tindakan	Status Keberkesanan Tindakan